

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
MING COURT HOTEL, KUALA LUMPUR
06 MEI 1999

1. Persidangan Wanita Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang keempat di Beijing sudah berakhir kira-kira lapan bulan dahulu. Mungkin ada yang menjangkakan bahawa isu-isu hangat keperihatinan wanita di Persidangan itu kini sudah hilang lesap dalam ingatan dan segalanya kembali pada sedia kala. "The dust has settled once again in Beijing, and all is back to normal once more!" kata para sinis tentang usaha sejagat memajukan wanita.

2. Tetapi kita tidak akan benarkan ini berlaku. Persidangan Beijing telah mencapai beberapa 'milestone' dalam sejarah kemaraan wanita. Dengan penerimaan Deklarasi Beijing dan persetujuan am pada 'Platform For Action towards the year 2000', kita melangkah ke arah era baru bagi merealisasikan wawasan wanita sejagat iaitu 'Equality, Development and Peace' ataupun 'Persamaan, Pembangunan dan Keamanan'.

3. Dalam ucapan saya bagi pihak negara Malaysia di Persidangan Beijing, saya telah menyatakan komitmen atau iltizam kita untuk berusaha memajukan bukan sahaja wanita Malaysia, malah juga wanita sejagat. Kita cukup menginsafi bahawa terdapat masih ramai wanita di negara-negara membangun, terutamanya wanita-wanita negara Islam, yang masih mundur dan ketinggalan zaman akibat kejahilan akan hak-hak mereka, buta huruf dan hidup dalam keadaan kemiskinan mutlak. Bukan itu sahaja, terdapat juga saudara-saudara kita yang tertindas, yang menanggung penderitaan akibat peperangan dan keganasan, dirogol dan diperkosa, dan dihalau daripada tempat tinggal datuk moyang mereka. Oleh sebab keinsafan inilah, maka kita perlu berazam untuk menyokong usaha antarabangsa bagi memajukan wanita, di mana jua mereka berada.

4. Sebagai rakyat negara yang sedang meningkat maju, saya inginkan supaya imej wanita kita di kalangan medan antarabangsa dipertingkatkan. Oleh yang demikian, saya telah meminta pihak-pihak tertentu supaya menyemak kembali pengecualian-pengecualian yang dibuat waktu menangani surat turut serta 'Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women' (atau CEDAW). Saya berpendapat bahawa pengecualian-pengecualian yang dibuat itu tidak mencerminkan kedudukan dan pencapaian wanita Malaysia sebenarnya.

5. Saya juga ingin melihat lebih ramai wanita dilibatkan dalam proses 'decision-making'. Sasaran yang dikenalpasti dalam 'Platform for Action' tidaklah diluar dugaan kita. Malah saya yakin wanita Malaysia dapat mencapai peratusan yang luar dugaan. Negara kita boleh maju kerana wanita mahu dan sanggup berkongsi sebagai rakan sepakat dalam proses pembangunan negara. Kesepakatan ini hendaklah diteruskan agar Wawasan 2020 dapat dicapai dalam semua aspek, iaitu ekonomi, moral, taraf kemanusiaan dan etika hidup tinggi, kerohanian dan keagamaan.

6. Penerimaan 'Platform for Action' membawa implikasi bahawa kita akan sedaya upaya melaksanakan program-program bagi mengikis rintangan-rintangan, batasan dan halangan bagi memajukan wanita amnya. Saya difahamkan bahawa Pelan Tindakan Negara bagi melaksanakan Dasar Wanita Negara ke arah tahun 2001, yang sedang digubal atau disemak semula, akan mengambil kira syor-syor yang terkandung dalam 'Platform for Action' itu.

7. Menguatkan pelan tindakan tanpa membekalkan jentera pelaksanaan yang berkesan tidaklah mencukupi. Oleh yang demikian, kita mestilah memperkukuhkan jentera institusi dan agensi Kerajaan dan badan-badan swasta dan sukarela yang terlibat dalam melaksanakan pelan tindakan itu. Kerjasama HAWA dan NGO, terutama dengan NCWO, adalah satu perkembangan yang perlu dipertingkatkan. Sebagai agensi Kerajaan, tidak mungkin HAWA dapat mengisikan sepenuhnya segala keperluan tenaga pegawai dan kepakaran yang mencukupi untuk memenuhi matlamat membangunkan wanita. Justeru itu, sumber-sumber dan pengalaman yang terdapat pada NCWO dan lain NGO serta orang-orang perseorangan daripada badan-badan sukarela perlu digunakan dengan sebaik mungkin.

8. Daripada pengalaman saya sendiri, saya dapati NGO boleh bergerak dengan berkesan di peringkat 'grass-roots' dan juga sebagai badan 'advocacy' mengenai dasar dan perancangan Kerajaan. Tenaga sukarela NGO haruslah disalurkan kepada kerja-kerja kebajikan dan sumbangan-sumbangan murni. Ini akan menentukan bahawa ahli NGO akan menggunakan masa dan tenaga mereka membuat sesuatu yang berguna dan positif ke arah pembangunan negara.

9. Satu perkara yang amat mendukacitakan ialah keamanan, yang semakin lama semakin sukar dicapai, khususnya di kawasan dan negara tertentu. Kita syukur kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'ala, negara kita aman dan makmur, rakyatnya yang berbilang kaum dan keturunan dapat hidup berharmoni dan saling faham di antara satu sama lain. Tetapi di negara-negara seperti Bosnia- Herzegovina, Somalia, Monrovia, Kambodia, Sri Lanka, Kashmir, Palestine, dan lain-lain, - mereka tidaklah begitu bertuah. Akibatnya, wanita dan kanak-kanaklah yang banyak menderita. Saya telah melihat sendiri penderitaan orang di Bosnia. Rundingan-rundingan damai nampaknya tidaklah begitu berkesan. Kita mestilah mengambil tindakan membantu orang Bosnia memulihkan keadaan mereka. Jadikanlah ini satu komitmen dan sumbangan kita bagi mencapai Wawasan keamanan untuk semua.

10. Saya telah sempat meneliti program Persidangan NCWO dan saya tertarik dengan 'action-oriented' program yang telah disusun. Dalam pelaksanaan 'Platform for Action', kita haruslah mengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi menentukan keberkesanan program-program ini. NCWO mempunyai peranan yang penting untuk bertindak bagi menentukan semangat 'Platform for Action' ini dihayati, di samping bersama-sama berusaha supaya wanita tidak ketinggalan dalam pembangunan negara, dan diambil kira dalam program-program yang berupa 'people-oriented, sustainable and socially just'.

11. Sebagai penutup, saya berdoa agar persidangan yang akan berlangsung dua hari berturut-turut ini dapat mencapai matlamatnya. Puan-puan perlulah menyebarkan maklumat mengenai 'Platform for Action' dan Dasar Wanita Negara kepada umum seluas mungkin. Kanak-kanak sekolah, guru-guru, pegawai-pegawai pentadbir dan wanita-wanita di mana-mana jua mereka berada patutlah peka tentang Dasar Wanita Negara dan Platform Tindakan kemajuan wanita sejagat. Mereka juga haruslah memahami bahawa hak asasi wanita adalah hak asasi manusia dan menginsafi akan tanggungjawab dan peranan wanita dalam masyarakat.

12. Dengan usaha kita ini, kita berharap generasi akan datang akan membesar tanpa mengenali dan mengamali diskriminasi gender, mahu pun di apa jua bidang sekalipun.